



MESRA...Khaled (tengah) beramah mesra dengan peserta program.

Anugerah galak siswa jadi usahawan

SERDANG: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan melaksanakan inisiatif khas dengan mewujudkan Anugerah Keusahawanan KPT menerusi pertandingan berunsur keusahawanan yang dijangka bakal diadakan tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Khaled Nordin berkata idea itu dilihat sebagai pendorong serta galakkan kepada penuntut untuk membabitkan diri dengan lebih serius dalam sektor itu selepas tamat pengajian kelak selain melatih mereka menjadi usahawan muda yang berpotensi tinggi.

Katanya, penyertaan pertandingan terbuka kepada penuntut dan universiti yang berminat selain ganjaran ditawarkan cukup lumayan.

"Anugerah yang bakal diadakan buat julung kalinya tahun ini membabitkan

enam kategori merangkumi beberapa bidang. Daripada enam kategori itu, satu daripadanya adalah kategori keseluruhan menawarkan wang tunai RM150,000 kepada universiti yang menang.

"Tarikh sebenar pertandingan akan kita umumkan kelak namun penyertaannya dijangka dibuka pada hujung tahun ini," katanya pada majlis perasmian Program Inkubasi Usahawantani Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Hadir sama Naib Canselor UPM, Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi.

Khaled berkata, objektif utama penganjuran pertandingan adalah bagi membuktikan usaha serius kerajaan dalam mendorong institusi pengajian serta pelajaranya bergiat aktif dalam sektor terbabit berpotensi menjana pendapatan lumayan.